



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SELASA, 2 APRIL 2025



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



2/4/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<b>JKM BUKA PPS DI DEWAN SERBAGUNA MASJID PUTRA HEIGHTS</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/jkm-buka-pps-di-dewan-serbaguna-masjid-putra-heights">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/jkm-buka-pps-di-dewan-serbaguna-masjid-putra-heights</a>	BERITA.RTM.GOV.MY	
	<a href="https://malysiagazette.com/2025/04/01/jkm-pastikan-keselamatan-dan-kebajikan-mangsa-terjaga/">https://malysiagazette.com/2025/04/01/jkm-pastikan-keselamatan-dan-kebajikan-mangsa-terjaga/</a>	MALASIAGAZETTE.COM	
	<a href="https://lifeneagency.my/2025/04/01/jkm-opens-temporary-evacuation-center-at-putra-heights-mosque-multipurpose-hall-following-gas-pipeline-fire/">https://lifeneagency.my/2025/04/01/jkm-opens-temporary-evacuation-center-at-putra-heights-mosque-multipurpose-hall-following-gas-pipeline-fire/</a>	LIFENEWSAGENCY.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	<b>KEBAKARAN SALURAN GAS: 49 MANGSA, 17 KELUARGA DI PPS DEWAN SERBAGUNA MASJID PUTRA HEIGHT</b>		<b>NEUTRAL</b>
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/04/kebakaran-saluran-gas-49-mangsa-17-keluarga-di-pps-dewan-serbaguna-masjid-putra-height/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/04/kebakaran-saluran-gas-49-mangsa-17-keluarga-di-pps-dewan-serbaguna-masjid-putra-height/</a>	UTUSAN.COM.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1203227/49-mangsa-ditempatkan-di-pps-putra-heights-kpwkm">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1203227/49-mangsa-ditempatkan-di-pps-putra-heights-kpwkm</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/49-mangsa-ditempatkan-di-pps-putra-heights-kpwkm-514829">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/49-mangsa-ditempatkan-di-pps-putra-heights-kpwkm-514829</a>	ASTROAWANI.COM	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/04/01/49-mangsa-ditempatkan-di-pps-putra-heights-kpwkm">https://www.utusanborneo.com.my/2025/04/01/49-mangsa-ditempatkan-di-pps-putra-heights-kpwkm</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	<a href="https://www.wilayahku.com.my/paip-gas-terbakar-49-mangsa-dipindahkan-ke-pps/">https://www.wilayahku.com.my/paip-gas-terbakar-49-mangsa-dipindahkan-ke-pps/</a>	WILAYAHKU.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/720612/berita/semasa/kebakaran-saluran-gas-49-mangsa-ditempatkan-di-pps">https://www.sinarharian.com.my/article/720612/berita/semasa/kebakaran-saluran-gas-49-mangsa-ditempatkan-di-pps</a>	SINARHARIAN.COM	
	<a href="https://news.faharas.net/301351/49-mangsa-17-keluarga-di/">https://news.faharas.net/301351/49-mangsa-17-keluarga-di/</a>	FAHARAS.NET	
	<a href="https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2408132">https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2408132</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2408127">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2408127</a>	BERNAMA.COM	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



2/4/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	<b>KEBAKARAN PAIP GAS TIDAK LIBAT KEMATIAN SETAKAT INI - DR DZULKEFLY</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kebakaran-paip-gas-tidak-libat-kematian-setakat-ini-dr-dzulkefly-514833">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kebakaran-paip-gas-tidak-libat-kematian-setakat-ini-dr-dzulkefly-514833</a>	ASTROAWANI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	<b>MANGSA KEBAKARAN PAIP GAS MENINGKAT 427 ORANG MALAM INI</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1203274/mangsa-kebakaran-paip-gas-meningkat-427-orang-malam-ini">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1203274/mangsa-kebakaran-paip-gas-meningkat-427-orang-malam-ini</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/04/01/kebakaran-saluran-gas-kanak-kanak-antara-mangsa-melecur/">https://www.kosmo.com.my/2025/04/01/kebakaran-saluran-gas-kanak-kanak-antara-mangsa-melecur/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/720582/berita/semasa/ahli-keluarga-kanak-kanak-melecur-belakang-kaki-lengan-leher--mangsa">https://www.sinarharian.com.my/article/720582/berita/semasa/ahli-keluarga-kanak-kanak-melecur-belakang-kaki-lengan-leher--mangsa</a>	SINARHARIAN.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	<b>KEMUNGKINAN LETUPAN SUSULAN RENDAH, PENYIASAT BOMBA KENAL PASTI PUNCA KEJADIAN</b>		<b>NEUTRAL</b>
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1203236/kemungkinan-letupan-susulan-rendah-penyiasat-bomba-kenal-pasti-punca">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1203236/kemungkinan-letupan-susulan-rendah-penyiasat-bomba-kenal-pasti-punca</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.therakyatpost.com/news/malaysia/2025/04/01/watch-paradise-lost-when-putra-heights-suburban-dreams-meet-industrial-nightmares/">https://www.therakyatpost.com/news/malaysia/2025/04/01/watch-paradise-lost-when-putra-heights-suburban-dreams-meet-industrial-nightmares/</a>	THERAKYATPOST.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	<b>WANITA MAUT DITIKAM SUAMI DI LEHER</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/720624/berita/semasa/wanita-maut-ditikam-suami-di-leher">https://www.sinarharian.com.my/article/720624/berita/semasa/wanita-maut-ditikam-suami-di-leher</a>	SINARHARIAN.COM	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



2/4/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	<b>TUMBUK PEMANDU WANITA: TENTERA DARAT SERAH SIASATAN KEPADA POLIS - PTD</b>		NEUTRAL
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/04/1379328/tumbuk-pemandu-wanita-tentera-darat-serah-siasatan-kepada-polis-ptd">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/04/1379328/tumbuk-pemandu-wanita-tentera-darat-serah-siasatan-kepada-polis-ptd</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tumbuk-pemandu-wanita-tdm-serah-siasatan-kepada-polis-514804">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tumbuk-pemandu-wanita-tdm-serah-siasatan-kepada-polis-514804</a>	ASTROAWANI.COM	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/04/01/alleged-assault-case-by-soldier-on-woman-driver-transferred-to-police">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/04/01/alleged-assault-case-by-soldier-on-woman-driver-transferred-to-police</a>	THESTAR.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/720565/berita/semasa/tumbuk-pemandu-wanita-tulang-rusuk-kakak-patah-kami-tidak-akan-tarik-kes">https://www.sinarharian.com.my/article/720565/berita/semasa/tumbuk-pemandu-wanita-tulang-rusuk-kakak-patah-kami-tidak-akan-tarik-kes</a>	SINARHARIAN.COM	
	<a href="https://majoriti.com.my/berita/2025/04/01/tdm-serah-polis-siasat-anggota-tentera-tumbuk-pemandu-wanita-sampai-patah-rusuk-di-seremban">https://majoriti.com.my/berita/2025/04/01/tdm-serah-polis-siasat-anggota-tentera-tumbuk-pemandu-wanita-sampai-patah-rusuk-di-seremban</a>	MAJORITI.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## JKM buka PPS di Dewan Serbaguna Masjid Putra Heights

Nasional - Dicipta: 01 April 2025 05:15 PM



**KUALA LUMPUR, 1 April-** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Selangor mengaktifkan satu Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Dewan Serbaguna Masjid Putra Heights bagi menempatkan mangsa yang terkesan Susulan insiden kebakaran saluran paip gas di Putra Heights.

KPWKM dalam satu kenyataan memaklumkan setakat pukul 1.00 tengah hari, seramai 49 mangsa terdiri daripada 17 keluarga telah ditempatkan di PPS itu.

"Mangsa yang ditempatkan di PPS akan diberikan kemudahan makanan, set kebersihan diri, kelengkapan untuk tidur dan air minuman serta kudapan untuk memberikan keselesaan kepada mereka," menurut kenyataan itu.

Dalam pada itu KPWK melalui JKJ sentiasa bekerjasama rapat dengan agensi lain seperti Kementerian Kesihatan (KKM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan Jabatan Sukarelawan Malaysia dalam memastikan keselamatan dan kebajikan mangsa berada dalam keadaan selamat dan terjaga.

Orang ramai juga dinasihatkan supaya tidak mendekati kawasan kejadian dan mematuhi arahan pihak berkuasa tempatan bagi mengelakkan sebarang risiko keselamatan.

Bagaimanapun mangsa yang memerlukan bantuan boleh menghubungi Talian Kasih KPWK yang beroperasi 24 jam sehari melalui Talian Bebas Tol 15999, Aplikasi WhatsApp di nombor 019-26 15999 atau Aplikasi Mudah Alih Talian Kasih.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Kebakaran saluran gas: 49 mangsa, 17 keluarga di PPS Dewan Serbaguna Masjid Putra Height



SITUASI semasa di PPS membabitkan kejadian kebakaran saluran paip gas Petronas di Putra Heights, hari ini. - FACEBOOK RTM

oleh Aiman Ali | 1 April 2025, 5:45 pm

PETALING JAYA: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Selangor mengaktifkan sebuah pusat pemindahan sementara (PPS) di Dewan Serbaguna Masjid Putra Height.

KPWKM memaklumkan, ia bagi menempatkan mangsa yang terkesan susulan insiden kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, hari ini.

Katanya, setakat pukul 1 petang ini, seramai 49 mangsa terdiri daripada 17 keluarga telah ditempatkan di PPS itu.

“Mangsa yang ditempatkan di PPS diberikan kemudahan makanan, set kebersihan diri, kelengkapan untuk tidur dan air minuman serta kudapan untuk memberikan keselesaan kepada mereka,” katanya.

Dalam pada itu KPWK melalui JKJ sentiasa bekerjasama rapat dengan agensi lain seperti Kementerian Kesihatan (KKM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan Jabatan Sukarelawan Malaysia dalam memastikan keselamatan dan kebajikan mangsa berada dalam keadaan selamat dan terjaga.

“Orang ramai juga dinasihatkan supaya tidak mendekati kawasan kejadian dan mematuhi arahan pihak berkuasa tempatan bagi mengelakkan sebarang risiko keselamatan.

“Bagaimanapun mangsa yang memerlukan bantuan boleh menghubungi Talian Kasih KPWK yang beroperasi 24 jam sehari melalui Talian Bebas Tol 15999, Aplikasi WhatsApp di nombor 019-26 15999 atau Aplikasi Mudah Alih Talian Kasih,” katanya. – UTUSAN

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	KEADAAN SELEPAS LETUPAN UMPAMA MEDAN PERANG	AKHBAR :	BERITA HARIAN
HARI :	RABU	M/SURAT :	04&05
TARIKH :	2 APR 2025	SEKTOR :	KPWKM
TONE :	NEGATIF		

Kebakaran paip gas bawah tanah

## Keadaan selepas letupan umpama medan perang

41 anggota, 17 jentera dikerah ke lokasi kawal kebakaran

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim, Farah Marshita Abdul Patah, Mohd Nasaruddin Parzi dan Nor Azizah Mohdhar [ibnews@bh.com.my](mailto:ibnews@bh.com.my)

**Subang Jaya:** Penduduk di sekitar lokasi kebakaran besar akibat letupan paip gas PETRONAS di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights di sini menyifatkan keadaan semuapa medan perang yang merosakkan sebahagian harta benda mereka.

Ketika api mula marak sekitar jam 8.30 pagi, penduduk mendakwa melihat letupan gas menyempul awan berbentuk cendawan seperti letusan bom.

Muhammad Akmal Muhi Asri, 29, yang menetap di Kampung Kuala Sungai Baru, berhampiran lokasi kejadian, berkata kebakaran berlaku berdekatan sebuah kawasan projek rumah kedai yang baharu dibina.

"Kejadian berlaku sekitar jam 8.30 pagi ketika saya dan keluarga sedang bersiap untuk keluar pergi menziarahi saudara mara dan beraya. Kami dan penduduk lain pada mulanya digemparkan dengan le-

tupan pertama sebelum disusuli api gas yang meletup mengikatkan api marak.

"Suasana pertama yang dapat digambarkan adalah letupan menyempul bentuk cendawan sebelum letupan gas meletup.

"Kami sekeluarga bergegas ambil semua harta benda dan dokumen penting sebelum keluar dan pergi ke kawasan selamat kerana bimbang terhidu gas beracun," katanya.

Pusukan bomba yang tiba di lokasi sejurus kejadian turut mengarahkan penduduk kampung meninggalkan rumah masing-masing demi keselamatan.

Mangsa lain, Tan Jia Shin, 17, berkata ketika kejadian dia bersama ibunya yang sarat mengandung dan bapa serta dua adik beradiknya berada di dalam rumah sebelum berasakan gegaran sekitar jam 8 pagi.

"Kami semua bergegas keluar dan melihat api sedang marak dan lokasi kejadian itu dua lorong sebelum rumah kami.

"Ketika itu hanya fikir keselamatan ibu dan kami keluar dari rumah tanpa membawa apa-apa, termasuk kereta dengan bantuan pihak bomba," katanya ketika ditemui di pusat rawatan sementara di Kul Sri Maha Kaliannan, di sini.

Mangsa yang hanya mahu dikenali sebagai Andy, 52, berkata rumahnya terletak hanya kira-kira 100 meter dari lokasi kebakaran.

Katanya, dia bersama dua anak

masing-masing berusia 14 dan 18 tahun berasakan gegaran dan mengambil tindakan untuk keluar dari rumah selepas melihat api yang sedang marak.

"Saya hanya sempat membawa keluar kereta dan seorang anak perempuan berusia 18 tahun cedera di kaki selepas terjatuh ketika memanjat pagar akibat haba panas.

"Banyak barangan seperti bahan plastik yang berada sekitar itu cair menyebabkan sukar untuk kami keluar dari rumah," katanya.

Lee Weng Ken, 42, cedera di kaki kiri akibat meletup ketika cuba menyelamatkan diri dari kediamannya.

"Kejadian kira-kira jam 8.10 pagi, saya terkejut melihat siling rumah terjatuh dan menghempap kenderaan.

"Saya terus keluar dari rumah dan saya terjatuh dan cedera terdenga haba kerana kebakaran yang berlaku cuma kira-kira 100 hingga 200 meter dari rumah," katanya.

**Peta PPS diaktifkan**

Kerajaan negeri mengaktifkan ti pusat pemindahan sementara (PPS) iaitu di Masjid Putra Heights, manakala Masjid Al Falah dan Kul Sri Maha Kaliannan turut membantu menempatkan mangsa.

Bekas wartawan sebuah syarikat televisyen tempatan, Aidil Ghafar mendakwa dia kerja pengorban dilakukan berhampiran rumahnya dan dipercayai antara

lokasi paip gas.

Komander Operasi Bomba, Mohamad Fadli Buarri, berkata seramai 41 anggota dan 17 jentera dikerah ke lokasi kejadian bagi mengawal kebakaran.

Pesara perunding kewangan, Cherie Foo, 66, berkata dia mendengar deruan seumpama pulutan jet pejuang ketika api marak.

Katanya, bunyi itu kemudiannya disusuli dengan gegaran sederhana yang menyebabkan dia terkejut dan tergamam.

"Ketika kejadian kira-kira jam 7.45 pagi, saya tinggal seorang diri di rumah dan tiba-tiba terdengar bunyi yang amat bisik dan rumah saya bergegar.

"Saya terus melihat di tingkap dan teramat apai sedang marak. Saya terus keluar dan pada waktu itu pekarangan rumah dihujani debu serta pasir," katanya yang tinggal di Putra Avenue.

S Sivam, 34, pula berkata dia bersama ayah dan datuknya sedang tidur di rumah ketika kejadian berlaku.

Menceritakan detik comas itu, pekerja peranti perubatan terbit berkata, dia sekeluarga dikejutkan dengan bunyi kuat sebelum mereka diarakkan pihak berkuasa supaya segera meninggalkan rumah.

"Saya terdengar bunyi kuat, ingatan hujan lebat, tapi pelik sebab terasa bahang panas, saya keluar rumah dan melihat api besar marak menjulang tinggi tidak jauh dari taman perumahan," katanya.



Penganalisis perniagaan, Chan Hok Mee, 48, yang lebih 10 tahun tinggal di kawasan berkenaan menyifatkan kejadian itu amat menakutkan.

"Saya mendengar bunyi bisik seperti hujan lebat kemudian saya melihat orang ramai bertari meninggalkan kediaman masing-masing."

"Saya amat berharap pihak berkuasa dapat mengenal pasti dan menyasiat punca sebenar kebakaran sebab keadaan itu mencetuskan soal keselamatan penduduk sekitar," katanya.

**Suasana pertama yang dapat digambarkan adalah letupan menyempul bentuk cendawan sebelum api marak**

Muhammad Akmal Muhi Asri, Penduduk



**Ketika itu hanya fikir keselamatan ibu yang mengandungi dan kami keluar dari rumah tanpa membawa apa-apa, termasuk kereta dengan bantuan bomba**

Tan Jia Shi, Penduduk



Kawasan sekitar kebakaran saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights, semalam. (Foto BERNAMA)



Ahmad Daniel menerima rawatan di unit kecemasan dan trauma Hospital Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Antara mangsa yang meletur dalam kejadian kebakaran saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights, Subang Jaya, Selangor.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : MASJID PUTRA HEIGHTS JADI PPS SEMENTARA

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 2 APR 2025

M/SURAT : 04

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

## PUTRA HEIGHTS BEREGGAR

# Masjid Putra Heights jadi PPS sementara

*Penduduk terjejas dibantu sebelum terima rawatan susulan*

**Shah Alam**

Kerajaan Selangor mengaktifkan pusat pemindahan sementara (PPS) di Masjid Putra Heights bagi menyediakan tempat perlindungan sementara kepada mangsa kejadian kebakaran saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni Putra Height pagi semalam.

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari menerusi hantaran di laman X memaklumkan PPS itu dibuka bagi menempatkan penduduk yang terjejas dengan insiden kebakaran berkenaan.

"Pihak bomba dalam proses mengawal kebakaran dan sudah mengarahkan pemindahan penduduk kawasan sekitar.

"Unit Pengurusan Bencana Daerah telah mengaktifkan PPS di Masjid Putra Heights bagi menempatkan mangsa yang terlibat sementara waktu sehingga keadaan pulih dan terkawal," katanya.

Sementara itu, Exco Pengurusan Bencana Selangor Mohd Najwan Halimi dalam kenyataan memaklumkan terdapat beberapa rumah di Kampung Kuala Sungai Baru turut terbakar susulan insiden berkenaan, namun jumlahnya masih belum dikenal pasti.

"Ada juga mangsa yang terperangkap di dalam rumah itu dan usaha menyelamatkan sedang dijalankan. Sementara itu, mangsa yang sudah diselamatkan dibawa ke PPS

berkenaan dan terdapat beberapa mangsa yang melecur serta menunggu ambulans untuk mendapatkan rawatan. Buat masa ini, pihak masjid sedang membantu mang-

sa," katanya.

Terdahulu media melaporkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sedang memindahkan penduduk setempat dari lokasi berhampiran kebakaran saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni Putra Heights,

Subang Jaya, dekat sini.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi JBPM Selangor Ahmad Mukhlis Mukhtar berkata, kebakaran melibatkan kebocoran saluran paip gas dengan anggaran panjang saluran terbakar 500 meter, berlaku berhampiran kawasan perumahan awam.

**“Mangsa yang diselamatkan dibawa ke PPS berkenaan Mohd Najwan”**

DANIAL Radziman menunjukkan tangan yang cedera akibat melecur di PPS Masjid Putra Heights.



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 72 FAMILIES AT EVACUATION CENTRE

HARI : RABU

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 2 APR 2025

M/SURAT : 03

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK



A temporary evacuation centre being set up at Putra Heights yesterday. NSTP PIC BY ASYRAF HAMZAH

## 72 families at evacuation centre

**SUBANG JAYA:** The number of families seeking shelter at the Putra Heights temporary evacuation centre (PPS) has risen to 72, with registrations recorded up to 6.30pm yesterday.

The total number of evacuees has surged to 349, a significant rise from 264 in just 90 minutes.

Of those seeking shelter, 106 were adult men, 104 adult women, 28 senior citizens, 53 boys, 46 were girls and nine infants. There

were also three people with disabilities.

The Selangor Disaster Management Unit activated the PPS at the Putra Heights mosque following the massive fire earlier yesterday.

Those living in nearby residential areas were evacuated and some were believed to have moved to be with relatives in other areas. Those without places to go to moved into the PPS.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : RESIDENTS ROCKED BY GAS PIPELINE BLASTS

HARI : RABU

AKHBAR : THE SUN

TARIKH : 2 APR 2025

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

## Residents **rocked** by gas pipeline blasts

► Tremors from explosions rattle sliding door panes as far as 2.5km away

BY DEEPALAKSHMI MANICKAM  
newsdesk@thesundaily.com

**PETALING JAYA:** A gas pipeline explosion in Jalan Putra Harmoni, Putra Heights yesterday sent tremors through the surrounding area, with loud blasts and an inferno that left residents in shock.

Many in the area were left shaken, with some initially mistaking the tremors for an earthquake.

Nur Haziqah Qisitina, 23, a resident at USJ 20 in Subang Jaya, said she was woken by panicked shouts after her brother felt the vibrations.

"I live not exactly nearby, but the noise was deafening. It had a ringing sound to it. I was asleep when it happened, so I didn't feel much. But my brother woke up to a deep rumbling and slight tremors," she told *theSun*.

When she looked outside, she was stunned by the scale of the fire.

"At first, I thought it was just a house or a tree on fire. But when I stepped outside, I realised how massive it was. The flames were as tall as a building, and the sky glowed in an eerie orange. It felt like something out of a nightmare," she said.

Minutes later, she heard a series of deafening explosions.

"That was at around 8:30am. By then, the entire neighbourhood was outside, watching. The fire had grown even bigger, and the smoke wasn't just black, it had a menacing glow. It felt unreal," she added.

Sriganesh Senderam, 36, a businessman living 2.5km away, said he never expected to feel the explosion from such a distance.

"Despite being quite far, we still felt it," he said, describing how his home shook for nearly half an hour.

"The sliding door and main door rattled continuously. The explosion was intense and when we looked outside, we saw fire in a mushroom shape, with thick smoke rising into the sky," he added.

At first, he and his family believed they were experiencing an earthquake.

"We rushed to look outside from our double-storey house and saw the fire and smoke. This has never happened before, it was completely new and terrifying," he said.

Selangor deputy police chief DCP Mohd Zaini Abu Hassan said a total of 112 individuals and 49 houses were affected by the fire.

"The 112 injured individuals involved residents of Taman Harmoni and Kampung Kuala Sungai Baharu.

"Among them, 63 were transported to hospitals in Cyberjaya, Serdang and Putrajaya for treatment due to burns, respiratory issues and other injuries.

"The remaining 49 received initial treatment at the Sri Maha Kaliyamman Temple in Subang

Jaya," he told a press conference at the Fire and Rescue Department and police special operations centre yesterday.

Mohd Zaini also said two temporary evacuation centres have been set up at the Nurul Iman Mosque and the Putra Heights Mosque for the affected individuals.

Selangor Fire and Rescue Department director Wan Razali Wan Ismail said the explosion involved a gas pipeline leak spanning 500m.

He said seven individuals, including two Malaysians, were rescued at the scene.

"Due to the explosion occurring near a housing area, evacuation operations were carried out to ensure the safety of residents," he said.

A total of 78 firefighters and emergency response teams were deployed.

While the supply valve of the affected pipeline has been closed, the exact breach point has yet to be determined.

"The fire has affected several houses, posing a risk to residents. Firefighting operations are ongoing, and we will provide updates as more information becomes available," said Wan Razali.

Meanwhile, Petronas Gas Berhad confirmed that the fire broke out at its main pipeline near Putra Heights at 8:10am yesterday. The affected pipeline has since been isolated.

"The safety of the surrounding community, environment and the security of gas supply to the nation remain our utmost priority," it said in a statement, adding that Petronas retail stations in the area were not affected.



An aerial photo taken in the aftermath of the incident shows the impact of the explosions and extent of damage to the area surrounding ground-zero. — PIC FROM WHATSAPP MESSAGE

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Kebakaran paip gas tidak libat kematian setakat ini - Dr Dzulkefly

Bernama

01/04/2025 19:56 MYT



Dr Dzulkefly dan Dr Azizah (kiri) melawat mangsa terlibat di wad Hospital Sultan Idris Shah, hari ini. -Foto ihsan PMO

**SERDANG:** Insiden kebakaran saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights, Subang Jaya tidak melibatkan sebarang kematian setakat ini, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Beliau berkata kesemua 104 mangsa termasuk kanak-kanak yang kini masih dirawat di empat hospital awam dan lima hospital swasta berada dalam keadaan stabil.

"Semua mangsa stabil, mereka bukan berada dalam Unit Rawatan Rapi (ICU), hanya di wad biasa atau wad pembedahan dan tidak ada yang dalam (guna) ventilator (bantuan alat pernafasan).

"Bagaimanapun ada mangsa mengalami keadaan melecur tahap dua dan tiga," katanya kepada pemberita di Hospital Sultan Idris Shah di sini, yang juga hospital tempat sebahagian mangsa menerima rawatan.

Terdahulu, Dzulkefly mengiringi isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail melawat mangsa terlibat di wad hospital berkenaan.

Dzulkefly berkata orang awam khususnya mereka yang tinggal berhampiran lokasi kejadian dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan secepat mungkin sekiranya mengalami gejala antaranya kesukaran bernafas, sakit kepala dan kesan melecur.

"Jangan sangsi dan segera hadir ke kemudahan kesihatan untuk menjalani pemeriksaan," katanya.

Selain itu, Dzulkefly berkata setakat ini tiada pesakit yang mengalami gejala kesesakan nafas di kemudahan kesihatan awam.

Beliau berkata pihaknya juga belum dapat mengenal pasti gas yang dihidu mangsa kebakaran itu dan memaklumkan perkara berkenaan bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan.

Terdahulu, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari menerusi catatan di Facebook memaklumkan kebakaran itu berjaya dipadam sepenuhnya pada 3.45 petang ini.

Sementara itu, Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Selangor Ahmad Mukhlis Mukhtar berkata kebakaran melibatkan kebocoran saluran paip gas dengan anggaran panjang saluran terbakar 500 meter itu berlaku berhampiran kawasan perumahan awam.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Mangsa kebakaran paip gas meningkat 427 orang malam ini

Mohd Jamilul Anbia Md Denin  
anbia@hmetro.com.my



Ghazali Abd Rahman melawat mangsa kebakaran paip gas di dewan Masjid Putra Heights, Subang Jaya malam tadi.

Kuala Lumpur: Jumlah mangsa kebakaran saluran paip gas meletup dan terbakar di Putra Heights Subang Jaya, Selangor, terus meningkat kepada 427 individu malam ini.

Ia membabitkan 91 keluarga yang dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS)

di dewan Masjid Putra Heights, Subang Jaya setakat jam 10 malam ini.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam (APM) Negeri Selangor, PPj (PA) Ghazali Abd Rahman berkata, turut dipindahkan adalah 33 warga emas, 118 kanak-kanak dan 16 bayi yang menjadi mangsa dalam tragedi pagi tadi.

Beliau berkata, seramai 50 anggota APM Selangor dan Wilayah Persekutuan bertungkus lumus membantu dan mengendalikan mangsa di pusat PPS berkenaan sejak siang tadi.

Menurutnya, selain menyediakan tempat berlindung yang selesa, APM turut bekerjasama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam mengagihkan bantal, selimut dan pakaian sesuai untuk mangsa.

"Sebelum ini, mangsa mangsa yang cedera sudah diberikan bantuan awal dengan kerjasama pasukan perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum mereka dihantar ke hospital untuk menerima rawatan susulan.

"Mangsa yang berlindung di PPS ini sekarang adalah dikalangan mangsa yang terselamat dan tidak mengalami kecederaan. Rata-rata mereka berdepan kerosakan atau terbakar pada kediaman masing-masing," katanya.

Beliau berkata, anggota APM turut membantu membawa mangsa menaiki trak APM untuk mengambil barangan penting seperti dokumen dan ubat-ubatan di rumah masing-masing mulai jam 6.30 petang tadi.

"Kami bekerjasama dengan pihak bomba dan polis bagi memudahkan mangsa kembali ke kawasan bencana 'ground zero' untuk mengambil barang peribadi berharga," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan bersiap sedia di kawasan itu bagi tugas pemantauan dan menghadapi sebarang kemungkinan. Ini termasuk bantuan logistik dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Kemungkinan letupan susulan rendah, penyiasat bomba kenal pasti punca kejadian

Raja Noraina Raja Rahim, Muhaamad Hafis Nawawi dan Mohd Haris Fadli Mohd Fadzil  
am@hmetro.com.my



ANGGOTA bomba melakukan pemeriksaan di kawasan rumah penduduk yang terjejas akibat kebakaran saluran gas di Kampung Tengah dan Kampung Kuala Sungai Baru. FOTO Ezairi Shamsudin.

Subang Jaya: Kemungkinan untuk berlaku kebakaran atau letupan susulan akibat kebocoran paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights adalah rendah, kata Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Datuk Nor Hisham Mohammad.

Katanya, hasil pemantauan pihaknya selepas penutupan empat injap utama di Kampung Lombong Puchong, Batu Tiga, Shah Alam dan Klang pagi tadi, mendapati tiada aliran gas yang dikesan setakat ini.

"Keadaan itu menjadikan kemungkinan berlakunya letupan susulan adalah sangat rendah dan memudahkan pasukan penyiasat bomba untuk masuk bagi mengenal pasti punca kejadian.

"Penduduk juga boleh masuk ke kediaman mereka dengan pemantauan pihak berkuasa untuk mengambil barang atau haiwan peliharaan mereka. Ketika ini tiada bekalan elektrik di sekitar di lokasi kejadian," katanya pada sidang media di lokasi kejadian.

Nor Hisham berkata, kerja-kerja pemeriksaan dan pembersihan akan diteruskan dalam tempoh 24 jam.

"Punca kejadian masih dalam siasatan dan kini 'cooling down' supaya pasukan penyiasat boleh masuk ke lokasi.

"Dakwa berlaku (kerja) korek (hingga) menyebabkan kebakaran itu, saya tidak boleh nak jawab kerana itu dakwaan," katanya.

Beliau juga memaklumkan kebakaran paip gas itu padam sepenuhnya pada 3.45 petang hari ini, dengan operasi pemadaman membabitkan kekuatan 325 anggota daripada 11 agensi.

Setakat ini juga, sebanyak 227 rumah terjejas dan 78 daripadanya musnah terbakar, katanya.

"Sebanyak 365 kenderaan terjejas dalam kebakaran terbabit melibatkan 275 kereta dan 56 motosikal terbakar, manakala 33 kenderaan lain turut terjejas

"Seramai 305 mangsa di mana daripada jumlah itu, 40 orang dibawa ke hospital dan 125 orang mengalami kecederaan menerima rawatan di lokasi, sementara lain tidak mengalami kecederaan dan tiada kematian.

"Antara kecederaan dialami adalah melecur, tetapi kita bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga memantau jika ada yang tersedut haba panas," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA MADANI

## Wanita maut ditikam suami di leher

01 April 2025 09:36pm



KINABATANGAN – Seorang wanita maut ditikam suaminya di bahagian leher dalam kejadian di sebuah rumah tidak bernombor di Kampung Perpaduan Datu Ugi, di sini, pagi Selasa.

Dalam kejadian kira-kira jam 8.55 pagi itu, mangsa ditemui tidak bernyawa di ruang tamu rumah oleh anaknya sendiri.

Ketua Polis Daerah Kinabatangan, Superintenden D Ravi berkata, pihaknya menerima laporan daripada pengadu yang juga anak kepada pasangan terbabit.

"Pengadu memaklumkan bahawa ayahnya telah membunuh ibunya menggunakan sebilah pisau.

"Hasil siasatan awal mendapati, semasa mangsa berada di ruang tamu, suspek datang membawa pisau sebelum tiba-tiba menikam pangkal lehernya.

"Pengadu berada di tempat kejadian segera menghubungi pihak polis untuk mendapatkan bantuan," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Menurut Ravi, mangsa disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian sebelum mayatnya dihantar ke Unit Forensik Hospital Duchess of Kent (HDOK) bagi proses bedah siasat.



Mangsa ditemui tidak bernyawa di ruang tamu di sebuah rumah tidak bernombor di Kampung Perpaduan Datu Ugi, Kinabatangan.

"Siasatan awal daripada saksi bebas mendapati motif kejadian dipercayai berpunca daripada konflik perceraian pasangan berkenaan.

"Suspek berusia 75 tahun itu berjaya ditahan, manakala pisau yang disyaki digunakan untuk menikam mangsa turut dirampas," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

"Suspek dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kinabatangan dan akan direman di bawah Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah," katanya.



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm     

TAJUK : ARMY HANDS OVER ASSAULT PROBE TO COPS

HARI : RABU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 2 APR 2025

M/SURAT : 11

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

## Army hands over assault probe to cops

**SEREMBAN:** The Malaysian Army has handed over the investigation into one of its personnel who allegedly assaulted a female driver in Jalan Persiaran Senawang 4 to the police.

Army chief Jen Tan Sri Muhammad Hafizuddeain Jantan said the army is closely monitoring the case and takes any behaviour that could tarnish its image seriously.

"The individual is still under investigation. I will not speculate or comment further. Let the police conclude the investigation," he told Bernama yesterday.

On Monday, Seremban police chief Asst Comm Mohamad Hatta Che Din said the 35-year-old soldier was released on police bail and the case was referred to Bukit Aman.

The man was arrested for allegedly assaulting the 28-year-old woman, which caused injuries to her right rib and swelling on the back of her head.

The incident occurred at 10.15pm on Saturday when the woman, who was driving, could not avoid the man's wife, 34, and their seven-year-old daughter, who suddenly crossed the road, resulting in minor injuries to both.